

**Bahagian A**  
[60 markah]  
Jawab semua soalan

- 1 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan faktor pengeluaran dan masalah asas ekonomi.

Encik Ariffin merupakan penternak kambing di daerah Setiu. Dia mengusahakan ternakan kambing dengan bantuan 3 orang pekerja.

- (i) Bezakan faktor pengeluaran tersebut.

---

---

---

---

---

---

---

---

[4 markah]

- (ii) Terangkan masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan.

---

---

---

---

---

---

---

---

[2 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan sistem ekonomi bagi Negara X dan Negara Y.

Negara X	Negara Y
Kerajaan membuat semua keputusan ekonomi	Firma dan isi rumah bebas membuat keputusan ekonomi dengan kawalan kerajaan

- (i) Jelaskan persamaan peranan kerajaan dalam sistem ekonomi tersebut.

---

---

---

---

[2 markah]

- (ii) Negara X mempraktikkan unsur kebajikan lebih menyeluruh berbanding Negara Y. Beri alasan anda.

---

---

---

---

---

---

---

---

[2 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan inisiatif kerajaan untuk kakitangan awam .

Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 akan diberikan kepada semua penjawat awam dan RM250 kepada semua pesara kerajaan menjelang hari perayaan Aidilfitri.

Dengan bantuan rajah, jelaskan kesan inisiatif tersebut terhadap permintaan barang.

---

---

---

---

---

---

---

---


---

---

---

---

[6 markah]



(d) Jadual 1 menunjukkan permintaan dan penawaran pasaran bagi baju kemeja

Harga (RM)	Kuantiti permintaan (unit)		Kuantiti penawaran (unit)
	Haris	Syafiq	
5	140	130	100
10	125	120	125
15	75	55	130
20	60	40	150

Jadual 1

(i) Berdasarkan jadual tentukan harga dan kuantiti keseimbangan bagi baju kemeja

---



---



---



---



---

[2 markah]

(ii) Jelaskan keadaan pasaran pada harga RM20

---



---



---



---



---



---



---

[2 markah]

2 (a) Bagaimanakah bank pusat menguruskan hutang kerajaan?

---



---



---



---



---



---



---

[3 markah]

(b) Gambar berikut berkaitan dengan satu sektor ekonomi.



Gambar 1

Huraikan kepentingan sektor ekonomi tersebut.

---



---



---



---



---



---

[5 markah]

(c) Jadual di bawah menunjukkan pendapatan dan potongan wajib Encik Farhan untuk bulan September.

Butiran	Jumlah (RM)
Gaji	3000
Caruman PERKESO	15
Caruman KWSP	11%
Sewa rumah	450
Cukai pendapatan	120
Perubatan	200
Ansuran kereta	500
Bil Utiliti	300
Makanan	700
Minyak Petrol	300
Sumbangan ibu bapa	200

Jadual 1

- (i) Hitung pendapatan boleh guna Encik Farhan pada bulan tersebut.

---



---



---



---



---



---



---

[3 markah]

- (ii) Penyata belanjawan Encik Farhan tersebut didapati kurang berhemat. Sediakan satu penyata belanjawan peribadi Encik Farhan yang lebih berhemat untuk bulan seterusnya.

---



---



---



---



---



---



---

[3 markah]

- (d) Jadual 2 berkaitan dengan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Buruh	Jumlah keluaran (TP) (unit)	Keluaran Purata (AP) (unit)	Keluaran Marginal (MP) (unit)
0	0	-	-
1	10	10	10
2	22	11	12
3	33	11	X
4	42	10.5	9
5	47	Y	5
6	49	8.17	2
7	49	7	0
8	46	5.75	-3

Jadual 2

(i) Berapakah nilai X dan Y?

---

---

---

[2 markah]

(ii) Mengapakah bilangan buruh 3 hingga 7 merupakan tahap pengeluaran paling cekap bagi firma tersebut?

---

---

---

---

---

---

---

---

[4 markah]

3 (a) Gambar 2 menunjukkan tentang satu perkhidmatan yang disediakan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).



Gambar 2  
Mengapakah syarikat tersebut mempunyai autoriti dalam menentukan harga?

---

---

---

---

---

---

---

---

---

[4 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan ketidakstabilan harga komoditi dalam ekonomi.

**KUALA LUMPUR:** Ketidakstabilan harga komoditi global seperti gula, koko dan biji kopi dijangka terus meningkatkan kos pengeluaran syarikat yang terlibat dengan industri makanan dan minuman (F&B).  
Sumber: [https:// www.astroawani.com](https://www.astroawani.com), 8 Mac 2024

(i) Jelaskan jenis inflasi daripada maklumat tersebut?

---

---

---

---

---

---

[3 markah]

(ii) Jelaskan kesan keadaan di 3(b)(i) tersebut terhadap pengangguran.

---

---

---

---

---

---

[3 markah]

(c) Jelaskan konsep cukai progresif.

---

---

---

---


---

---

---

---

[4 markah]



- (d) (i) Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara Dolar Amerika (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

Januari 2025  
USD1 = RM4.48

Mei 2025  
USD1 = RM4.29

Jason membeli tali pinggang berharga USD180 secara dalam talian pada bulan Januari 2025. Hitungkan nilai tali pinggang tersebut dalam nilai RM.

---

---

---

---

---

---

---

[2 markah]

- (ii) Bagaimanakah perubahan kadar pertukaran asing tersebut mempengaruhi imbangan dagangan Malaysia?

---

---

---

---

---

---

---

---

[4 markah]

**BAHAGIAN B**  
[40 Markah]

Jawab **dua** soalan sahaja dalam bahagian ini

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan saranan kerajaan untuk meningkatkan penggunaan sumber ekonomi.

Georgetown: Usahawan tani muda dan agromakanan di Pulau Pinang disaran memohon 'Geran Agropreneur Muda (GAM)' yang menawarkan hingga RM30,000 bagi memulakan dan mengembangkan bidang yang mereka ceburi. Program ini bertujuan untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan agro berasaskan semua aktiviti rantai sektor pertanian seperti pengeluaran tanaman, ternakan dan perikanan serta industri makanan

*Ubahsuai: <http://www.mymetro.com.my>; 20 April 2025*

- (a) Jelaskan ciri faktor pengeluaran tersebut. [5 markah]
- (b) Dengan menggunakan rajah, jelaskan kesan pelaksanaan saranan tersebut terhadap pasaran barang. [6 markah]
- (c) Pelaksanaan saranan tersebut memberi impak kepada guna tenaga dalam negara. Setujukah anda dengan pernyataan tersebut. Beri alasan anda. [9 markah]

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan satu situasi ekonomi.

**KUALA LUMPUR** : Langkah kerajaan untuk memperkenalkan harga siling bergerak yang berubah kepada faktor harga input perlu dilaksanakan secara bijak. Kebaikan pelaksanaan harga siling bergerak bagi jangka pendek ialah kerajaan akan dapat mengawal harga melampau yang dikenakan oleh penjual. Hal ini membolehkan pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan disamping pengeluar tidak mengalami kerugian.

*Ubahsuai: <https://www.astroawani.com>: 15 Jun 2022*

- (a) Mengapakah kerajaan melaksanakan tindakan tersebut? [6 markah]
- (b) Bagaimanakah langkah tersebut dapat menyelesaikan masalah inflasi. [5 markah]
- (c) Langkah kerajaan tersebut dapat memberi impak kepada ekonomi negara. Bincangkan. [9 markah]

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan kerajaan negeri dalam mengawal penjualan satu jenis barangan.

**Terengganu Haramkan Vape Secara Total Bermula 1 Ogos**

KUALA TERENGGANU, 24 April - Kerajaan negeri akan melaksanakan Larangan Penjualan Produk Rokok Elektronik (Vape) di semua premis perniagaan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Terengganu berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2025.

Lesen perniagaan tidak akan diluluskan kepada premis yang menjual vape. Langkah ini diambil bagi membendung kesan negatif terhadap kesihatan, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Sumber : Diubah suai daripada <https://www.trdi.my>, 24 April 2025

- (a) Mengapakah kerajaan Negeri tersebut bertindak sedemikian? [7 markah]
- (b) (i) Nyatakan unit ekonomi yang mendapat manfaat daripada dasar tersebut.. [1 markah]
- (ii) Jelaskan unit ekonomi di 6 (b)(i). [3 markah]
- (c) Bincangkan impak larangan tersebut terhadap ekonomi. [9 markah]
- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan kerajaan terhadap kemasukan barangan dari luar negara.

KUALA LUMPUR – Dalam Belanjawan 2025, kerajaan mengumumkan peningkatan cukai import ke atas barangan tekstil, makanan proses dan peralatan dapur dari luar negara. Langkah ini bertujuan melindungi industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan daripada saingan produk asing yang lebih murah.

Kementerian Perdagangan menyatakan, langkah itu adalah sebahagian daripada dasar perlindungan jangka pendek bagi meningkatkan daya saing pengeluar domestik dan menggalakkan penggunaan barangan tempatan.

Sumber diubah suai daripada [bharian.com.my](http://bharian.com.my), 26 November 2024

- (a) (i) Huraikan jenis cukai tersebut [3 markah]
- (ii) Jelaskan rasional kerajaan bertindak demikian terhadap barangan luar negara [3 markah]
- (b) Jelaskan kesan jangka pendek terhadap penawaran barang susulan tindakan tersebut. [5 markah]
- (c) Keputusan kerajaan akan memberi kesan terhadap pasaran domestik. [9 markah]  
Bincangkan.

**KERTAS SOALAN TAMAT**